

D857

R B580 AAB  
MAHATHIR-JAMUAN  
DARIPADA ABDUL RACHMAN NORDIN  
(I)

NEW DELHI, 29 JAN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MEMBERI JAMINAN KEPADA RAKAN SEJAWATANNYA, ENCIK RAJIV GANDHI SOKONGAN PENUH DAN IKHLAS MALAYSIA ATAS INISIATIF INDIA BAGI MENGURANGKAN KETEGANGAN DUNIA DAN MEMBUAT HUBUNGAN BARU DI KALANGAN DAN ANTARA NEGARA-NEGARA.

BELIAU BERKATA PADA MAJLIS JAMUAN YANG DIADAKAN OLEH ENCIK GANDHI BAGI MERAIKAN BELIAU DI HYDERABAD HOUSE DI SINI, ASEAN YANG MENYAMBUUT DEKAD KEDUANYA TAHUN INI MENGALU-ALUKAN HUBUNGAN KONSTRUKTIF DENGAN PERSATUAN BAGI KERJASAMA SERANTAU ASIA SELATAN (SAARC) PADA MASA AKAN DATANG.

SAARC DIANGGOTAI OLEH INDIA, PAKISTAN, SRI LANKA, BANGLADESH, NEPAL, MALDIVES DAN BHUTAN.

BELIAU MEMUJI ENCIK GHANDI ATAS KEMAMPUANNYA MENJADIKAN SAARC SATU KENYATAAN DALAM KERJASAMA SERANTAU DALAM TEMPOH DUA TAHUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR TIBA DI SINI PETANG INI BAGI LAWATAN RASMI EMPAT HARI DENGAN DIIRINGI OLEH MENTERI LUAR DATUK RAIS YATIM SELEPAS MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCIAK NEGARA-NEGARA ISLAM DI KUWAIT. - LAGI.

0057MST 30 01 87

R B581 AAB  
MAHATHIR-JAMUAN 2 NEW DELHI

MENGENAI HUBUNGAN INDIA-MALAYSIA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANG WAJAR HUBUNGAN DUA HALA YANG BEBAS DIPERKEMBANGKAN MELALUI HUBUNGAN POLITIK KERANA MEREKA MEMPUYAI PENDIRIAN YANG SAMA.

KEDUA-DUA BUAH NEGARA MENGANGGOTAI BEBERAPA PERKUMPULAN ANTARABANGSA DI MANA MEREKA MEMPUYAI PROSPEKTIF DAN PENDEKATAN YANG SAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENINDASAN DI BAWAH APARTHEID DI AFRIKA SELATAN, PENDUDUKAN HARAM ISRAEL DI WILAYAH ARAB, PENENTANGAN YANG BERTERUSAN KEPADA PEMBENTUKAN NEGARA PALESTIN, PENDUDUKAN AFGHANISTAN DAN KAMPUCHEA OLEH TENTERA ASING, KETIDAK SEIMBANGAN EKONOMI UTARA-SELATAN DAN PERLUMBAAN SENJATA MEMERLUKAN INDIA DAN MALAYSIA BEKERJASAMA BAGI MEMPERKUKUHKAN PERPADUAN ANTARABANGSA.

TABUNG PERPADUAN BAGI AFRIKA SELATAN YANG DIPENGERUSIKAN OLEH ENCIK GANDHI DAN SURUHANJAYA ANTARABANGSA BAGI KERJASAMA EKONOMI SELATAN-SELATAN MENCERMINKAN KEAZAMAN KEDUA-DUA BUAH NEGARA BAGI PENDEKATAN TERBARU BAGI MENGATASI MASALAH ANTARABANGSA.- LAGI.

0112MST 30 01 87

B B582 AAB  
MAHATHIR-JAMUAN 3 NEW DELHI

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA AKAN LEBIH KUKUH.

+SAYA PERCAYA, KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH KEDUA-DUA BUAH NEGARA MENAWARKAN BANYAK PELUANG BAGI MENEROKA BIDANG BARU PADA MASA KITA SEDANG BERUSAHA MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN YANG ADA DAN SEBELUM INI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LAWATAN-LAWATANYA KE INDIA (INI IALAH KALI KEDUA) MENYEDARKAN BELIAU TENTANG KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI MELALUI BEBERAPA PUCUK PIMPINAN.

KATANYA MALAYSIA JUGA TELAH MENCAPAI KEMAJUAN DALAM TEMPOH ITU DAN BERHARAP ENCIK GANDHI AKAN DAPAT MELAWAT NEGARA INI TIDAK LAMA LAGI.

TERDAHULU DARIPADA ITU, ENCIK GANDHI DALAM UCAPAN ALU-ALUANNYA BERKATA KERJASAMA EKONOMI ANTARA MALAYSIA DAN INDIA PERLU DIPERKEMBANGKAN SEPENUHNYA DALAM SEMANGAT KERJASAMA SELATAN-SELATAN.

-- LAGI

0131MST 30 01 87

D867

B B583 AAB  
MAHATHIR-JAMUAN 4 NEW DELHI

BELIAU GEMBIRA MODAL DAN TEKNOLOGI INDIA MEMAINKAN PERANAN DALAM USAHA MALAYSIA MENCAPAI KECEMERLANGAN DALAM BEBERAPA BIDANG.

ENCIK GANDHI JUGA MEMUJI INISIATIF DATUK SERI DR MAHATHIR BAGI MENUBUHKAN SURUHANJAYA SELATAN-SELATAN DI PERSIDANGAN KEMUNCAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI HARARE, ZIMBABWE TAHUN LEPAS.

KATANYA SELATAN MESTI MEWUJUDKAN KEKUATAN DAN PERPADUAN YANG LEBIH BAGI MENGHASILKAN PERUNDINGAN YANG BERKESAN DENGAN UTARA.

ENCIK GANDHI JUGA BERKATA MALAYSIA DAN INDIA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB BERSAMA UNTUK MENENTANG DAN MENGUBAH ALIRAN MENINGKATKAN PERLUMBAAN KETENTERAAN DI LAUTAN INDIA.

MENGENAI KAMPUCHEA, BELIAU BERKATA MASALAH RANTAU ITU PERLU DISELESAIKAN MELALUI PERBINCANGAN DAN RAKYAT KAMPUCHEA BERHAK MENENTUKAN MASA DEPAN MEREKA TANPA PUJUKAN DAN CAMPUR TANGAN. -- LAGI  
0147MST 30 01 87

D868

B B584 AAB  
MAHATHIR-JAMUAN 5 NEW DELHI

MENGENAI PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI, ENCIK GANDHI BERKATA IA PERLU MELETAKKAN PERLUCUTAN SENJATA NUKLEAR DI TEMPAT YANG UTAMA DALAM AGENDA TINDAKANNYA.

SENTIMEN BAGI KEAMANAN DN PERLUCUTAN SENJATA DALAM PERGERAKAN ITU SEMAKIN MENINGKAT WALAUPUN DI KALANGAN NEGARA YANG MEMPUNYAI PAKATAN KETENTERAAN DAN INI DIBUKTIKAN MELALUI SAMBUTAN KEPADA INISIATIF KEAMANAN OLEH ENAM NEGARA, KATANYA.

KATANYA BELIAU BERBANGGA DAPAT BERTUKAR FIKIRAN DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR KERANA SEFAHAMAN ANTARA MEREKA DAN KEDUA-DUA BUAH NEGARA BERPUNCA DARIPADA HASRAT YANG SAMA DAN DIPERKUKUHKAN OLEH HUBUNGAN KEBUDAYAAN YANG LAMA. --BERNAMA  
0148MST 30 01 87